

17 OCT 2003

Mahathir-Gurau/I

MAHATHIR CERIAKAN SIDANG MEDIA OIC DENGAN GURAUAN

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Jawapan bersahaja dan kelakar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap beberapa soalan, menceriaikan suasana sidang media di akhir Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 dengan gelak ketawa anggota media dan tetamu.

Walaupun sedang serius memberikan penjelasan berhubung ucapan perasmiannya yang didakwa sebagai kontroversi, Perdana Menteri sempat menceriakan sidang media di Pusat Konvensyen Putrajaya malam ini dengan jawapan-jawapan yang mencuit perasaan.

Soalan dari wakil Associated Press, salah sebuah agensi berita yang memberikan tumpuan kepada isi ucapan Perdana Menteri yang didakwa berbaur anti-Yahudi, agak mengejutkan.

Wartawan berkenaan tidak mengemukakan soalan berat tetapi sekadar bertanyakan perdana menteri tentang perasaannya apabila Taiwan kini merampas gelaran sebagai negara yang mempunyai bangunan tertinggi di dunia dari Malaysia.

"Mereka mempunyai hanya sebuah bangunan tinggi, yang lebih tinggi daripada kami. Tetapi kami mempunyai dua (Menara Kembar Petronas)," katanya disambut dengan tepukan.

"Kami memiliki perbezaan tersendiri dengan (mempunyai) menara kembar tertinggi di dunia. Belum ada lagi sesiapa yang cuba membuatnya," katanya dan kali ini, tepukan lebih kuat.

Menyentuh laporan yang menyatakan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush telah "melantik" Australia sebagai "sherif" Washington di rantau sebelah sini, Dr Mahathir berkata:

"Australia kini dilantik sebagai sherif, bukan lagi timbalan sherif, dia (Perdana Menteri John Howard) kini seorang sherif.

"Saya beri jaminan kepada Australia jika ia bertindak sebagai sherif di negara ini, dia akan dianggap sebagai pegganas dan dilayan sebagai mana seorang pegganas.

"Saya percaya menteri luar saya menyokong saya dalam perkara ini," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan terus membuat kenyataan keras yang mengisi muka-muka depan akhbar selepas bersara akhir bulan ini.

"Sebelum ini saya dah cakap selepas saya bersara sebagai perdana menteri, saya akan lebih berbisa.

"Disebabkan saya bukan lagi perdana menteri, orang tidak akan memberi perhatian kepada cakap saya. Oleh itu saya akan lebih bebas mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati, terima kasih," katanya dan disambut gelak ketawa hadirin.

-- BERNAMA  
MAM RYN MOZ